

16 SEP 2003

MALAYSIA KAJI ADAKAN MOU MENGENAI PERTAHANAN DENGAN CHINA

KUALA LUMPUR, 16 Sept (Bernama) -- Malaysia akan mengkaji pelbagai bidang kerjasama dalam aspek pertahanan yang boleh dilaksanakan dengan China sebelum menandatangani satu memorandum persefahaman (MOU) mengenainya, kata Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau yang baru menerima garis panduan MOU itu daripada Panglima Angkatan Tentera Jeneral Tan Sri Mohd Zahid Hamidi hari ini berkata antara perkara yang terkandung dalam MOU itu adalah berhubung usaha mempertingkatkan lawatan, pertukaran maklumat dan kerjasama pertahanan.

"Ini merupakan usahasama yang pertama dalam bidang pertahanan antara kedua-dua negara, namun ianya masih diperingkat kajian sebelum kita tanda tanganinya," katanya selepas menerima kunjungan Ketua Staff People Liberation Army (PLA) China, General L. Liang Guang Lie di pejabatnya di sini.

Najib berkata sebelum ini hubungan pertahanan antara kedua-dua negara lebih tertumpu kepada lawatan pemimpin ketenteraan, lawatan muhibah kapal, pemeran antarabangsa dan penempatan pegawai pertahanan Malaysia di Beijing dan pegawai pertahanan China di Malaysia.

"Setelah melihat kejayaan dalam usahasama dengan China dalam bidang politik, ekonomi, pendidikan terutama politik di mana banyak persamaan dari segi pandangan politik antarabangsa, jadi kita nyatakan hasrat untuk kembangkan hubungan dalam pertahanan sepertimana hubungan yang lain-lain," katanya.

Seramai 12 orang delegasi dari PLA tiba Khamis lepas, antaranya untuk melawat Akademi Tentera Udara dan menemui Panglima Angkatan Tentera. Mereka turut mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya, hari ini.

-- BERNAMA  
KK JM AZH